



**GARIS PANDUAN
DANA PENYELIDIKAN
ANUGERAH TAMAT PENGAJIAN DALAM
TEMPOH
*GRADUATE ON TIME (GOT)***

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
(UnisZA)**

1.0 TUJUAN GOT

Dana Penyelidikan Anugerah Tamat Pengajian dalam Tempoh atau *Graduate On-Time* (GOT) ialah dana khas Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang ditawarkan kepada mana-mana staf akademik yang berjaya menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana Perubatan dalam tempoh (*Graduated On-Time*) dalam bentuk insentif geran penyelidikan.

2.0 KRITERIA PEMILIHAN

- 2.1 Berjaya menamatkan pengajian sebelum tarikh tamat yang dinyatakan dalam surat tawaran sambung belajar yang asal.
- 2.2 Mestilah mengemukakan surat pengesahan **Senat dalam tempoh pengajian yang ditawarkan** daripada institusi pengajian kepada Pejabat Pendaftar.

3.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan adalah satu (1) hingga dua (2) tahun sahaja.

4.0 SYARAT PERMOHONAN

Syarat permohonan dana *Graduate On-Time* (GOT) adalah sebagaimana berikut:-

- 4.1 Mana-mana staf akademik UniSZA yang berjaya menamatkan pengajian Doktor Falsafah (PhD) **tiga (3) tahun / berdasarkan tempoh pengajian sepertimana surat tawaran dan Sarjana Perubatan (*Master in Medicine*) empat (4) tahun** iaitu dalam tempoh (*Graduated On-Time*);
- 4.2 Permohonan hendaklah dalam tempoh tidak melebihi setahun (1) tahun dari tarikh penganugerahan *Graduate On-Time* (GOT) dalam majlis Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang (APC) kepada RMIC;
- 4.2 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu Ringgit Sahaja (RM20,000.00);
- 4.4 Pemohon/ penyelidik juga disarankan untuk menamakan mentor sebagai ahli penyelidik bersama bagi membantu dan memantau aktiviti penyelidikan yang dijalankan.

1.0 PERATURAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan bagi dana penyelidikan GOT hendaklah menggunakan Borang Permohonan Dana Penyelidikan Anugerah Tamat pengajian Dalam Tempoh (*Graduate On-Time*) UniSZA-PT02-PK02-BR008.

- 5.2 Semua permohonan akan dinilai oleh penilai yang dilantik oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan (RMIC) iaitu **seorang panel yang pakar dalam bidang** dan **seorang urusetia RMIC** .

6.0 KRITERIA PENILAIAN

- 6.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan bidang kepakaran pemohon;
- 6.2 Penyelidikan mestilah merangkumi isu semasa dan isu-isu kemanusiaan serta kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat.

7.0 PERATURAN KEWANGAN

7.1 **Vot 21000**

Perjalanan dan pengangkutan

- 7.1.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

- 7.1.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Persidangan Universiti) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan duit geran yang diluluskan. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel dalam negara sahaja.
- b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar/ bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- c) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- d) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan universiti.
- e) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

- 7.1.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

7.2 **Vot 24000**
Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

7.3 **Vot 27000**
Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

7.4 **Vot 28000**
Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Dana ini.

7.5 **Vot 29000**
Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

7.6 **Vot 35000**
Aksesori dan peralatan

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

8.0 HASIL PENYELIDIKAN

- 8.1 Menghasilkan sekurang - kurangnya **satu (1) artikel jurnal** yang terindeks oleh bibliometrik SCOPUS/ERA/ISI
- 8.2 **Penghargaan kepada dana GOT** mestilah dinyatakan dengan jelas bagi setiap penerbitan.

9.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

- 9.1 Surat kelulusan menjalankan projek penyelidikan akan dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan (RMIC);
- 9.2 Penyelidik hanya dibenarkan melakukan aktiviti penyelidikan setelah menerima surat kelulusan daripada pihak RMIC.
- 9.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.

10.0 PEMANTAUAN PROJEK

10.1 Laporan Kemajuan Penyelidikan

- i. Ketua Penyelidik bertanggungjawab mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan kepada pihak RMIC setiap enam (6) bulan atau mengikut tarikh yang dinyatakan dalam surat kelulusan menjalankan penyelidikan;
- ii. Ketua penyelidik yang gagal mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan boleh dikenakan tindakan berikut:-
 - a) Amaran;
 - b) Surat tunjuk sebab;
 - c) Perbelanjaan disekat sehingga laporan kemajuan dihantar;
 - d) Sekiranya penyelidik masih gagal menghantar laporan tersebut:
 - i. Penyelidikan akan dibatalkan dan pembiayaan penyelidikan ditamatkan; dan/atau
 - ii. Penyelidik dikehendaki membayar balik keseluruhan perbelajaan yang telah digunakan;

- iii. Tertakluk kepada terma dan syarat pemberi dana.

10.2 Laporan Akhir Penyelidikan

- i. Laporan akhir penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada pihak RMIC menggunakan borang yang telah ditetapkan;
- ii. Laporan akhir penyelidikan mestilah disahkan oleh JPFI dan dihantar ke RMIC dalam bentuk satu (1) salinan keras (hardcopy) dan satu (1) salinan lembut (softcopy) berformat PDF dalam cakera padat (CD);
- iii. Laporan akhir hendaklah dikemukakan dalam tempoh (3) bulan selepas tamat tempoh penyelidikan;
- iv. Ketua penyelidik yang gagal mengemukakan laporan akhir penyelidikan, boleh dikenakan tindakan berikut:-
 - a) Amaran;
 - b) Surat tunjuk sebab;
 - c) Sekiranya penyelidik masih gagal menghantar laporan tersebut:
 - i. Penyelidik dikehendaki membayar balik keseluruhan perbelajaan yang telah digunakan;
 - ii. Tertakluk kepada terma dan syarat pemberi dana.

10.3 Pelanjutan Tempoh, Penggantungan dan Penamatan Projek

- i. Ketua penyelidik boleh memohon untuk membuat penangguhan kepada pihak RMIC sekiranya penyelidikan tidak dapat dimulakan atau tidak dapat ditamatkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- ii. Bagi permohonan pelanjutan tempoh projek, ketua penyelidik perlu membuat permohonan dengan mengisi borang Permohonan Pelanjutan Tempoh selewat-lewatnya 30 hari sebelum tamat tempoh projek dan disertakan laporan prestasi terkini projek.